

## KEMEROSOTAN SUKU KAUM MURUT DI BORNEO UTARA (1921-1960)

*The Decline of Murut Tribes in North Borneo (1921-1960)*

**Nur Fardha Ayu Jusnih<sup>1</sup>**  
**Zainuddin Baco<sup>2</sup>**

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS,  
88400, Kota Kinabalu, Sabah*

<sup>1</sup>[fardhaayu@gmail.com](mailto:fardhaayu@gmail.com)

<sup>2</sup>[zainuddin@ums.edu.my](mailto:zainuddin@ums.edu.my)

*Dihantar: 20 Mei 2024 / Diterima: 11 Sept 2024 / Terbit: 31 Disember 2024*

### **Abstrak**

Suku kaum Murut merupakan salah satu kaum yang menetap di Borneo Utara. Kajian ini merungkai mengenai faktor sejarah kesihatan dan penyakit yang dihadapi dalam menyumbang kepada kemerosotan suku kaum Murut di Borneo Utara sepanjang tempoh tahun 1921 sehingga 1960. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menggunakan pendekatan sejarah melalui analisis kandungan bahan arkib dan kepustakaan bagi memahami punca yang membentuk penurunan populasi suku kaum Murut sepanjang tempoh ini. Pengkaji telah mendapati bahawa penyakit merupakan faktor utama yang mempengaruhi kemerosotan populasi kaum Murut. Di samping itu, kemerosotan ini juga dipengaruhi oleh gaya hidup kaum Murut serta pengenalan pendidikan barat yang telah mengganggu sistem moral, kepercayaan dan rangkaian persaudaraan lalu menyumbang kepada hakisan budaya dan kepincangan sosial. Kajian ini telah menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai cabaran yang dihadapi oleh kaum Murut dengan menerangkan interaksi faktor sejarah kesihatan masyarakat Murut yang menyebabkan kemerosotan dalam populasi mereka.

**Kata Kunci:** Murut, Borneo Utara, Kemerosotan Kesihatan

### **Abstract**

*The Murut tribe is one of the tribes that live in North Borneo. This study unravels the historical factors of health and disease that have contributed to the decline of the Murut tribe in North Borneo throughout the period from 1921 to 1960. This study uses a qualitative method by using a historical approach through the content analysis of archival and library materials to understand the causes that form the decline population of the Murut tribe throughout this period. Researchers have found that disease is the main factor affecting the decline of the Murut population. In addition, this decline is also influenced by the lifestyle of the Murut people as well as the introduction of western education which has disrupted moral systems, beliefs and kinship networks and contributed to cultural erosion and social disability. This study has contributed to a deeper understanding of the challenges faced by the Murut people by explaining the interaction of historical factors in the health of the Murut community that caused the decline in their population.*

**Keywords:** *Murut tribes, North Borneo, Declining Health*

### **Pengenalan**

Kaum Murut merupakan penduduk tempatan Borneo Utara yang mendiami kawasan pendalamannya Borneo Utara dan merupakan suku kaum ketiga terbesar di Borneo Utara. Taburan penempatan kaum Murut adalah di Tenom, Kemabong, Pensiangan, Keningau, Sipitang dan beberapa daerah lain di Borneo Utara. Kaum Murut majoritinya menjalani ekonomi sara diri seperti menjalankan pertanian pindah, memburu dan menangkap ikan. Kaum ini juga sangat sinonim dengan aktiviti memburu kepala sebelum mereka menghadapi kemodenan dan meninggalkan aktiviti tersebut. Menjelang tahun 1921 sehingga tahun 1960, kaum Murut telah menghadapi kemerosotan dalam populasi mereka.

### **Kemerosotan Kesihatan Kaum Murut**

Berdasarkan jadual 1, kemerosotan kadar populasi suku kaum Murut amat ketara dalam perkembangan populasi di Borneo Utara sepanjang tempoh masa 1921 sehingga 1960. Kemerosotan ini telah

*Analisis Faktor Kemerosotan Suku Kaum  
Murut di Borneo Utara (1921-1960)*

membimbangkan pihak British lalu mereka telah menjalankan kajian dari masa ke masa di kawasan perkampungan kaum Murut di Borneo Utara untuk menyiasat punca kemerosotan populasi mereka.

**Jadual 1: Taburan Suku Kaum Murut sepanjang Tahun 1920 sehingga 1960**

| Daerah                      | Peratusan Kadar Populasi Seluruh Kaum Murut |      |      |      |
|-----------------------------|---|------|------|------|
|                             | 1921  | 1931 | 1951 | 1960 |
| Pensiangan                  | 40  | 36   | 32   | 21   |
| Keningau                    | 35  | 21   | 22   | 23   |
| Tenom                       | 16  | 26   | 32   | 34   |
| Sipitang                    | 2   | 7    | 8    | 10   |
| Daerah Lain di Borneo Utara | 7   | 10   | 6    | 12   |

Sumber: Dipetik dan disesuaikan daripada The Decline and Recovery of The Murut Tribe of Sabah

### **Malaria**

Faktor utama yang menyebabkan kepada kemerosotan kaum Murut adalah berpunca daripada kadar kematian yang tinggi dalam kalangan kaum Murut. Kadar kematian ini disebabkan oleh tiga penyakit utama iaitu jangkitan Malaria, penyakit Puru dan jangkitan cacing Helmiorhiasis. Penyakit Malaria dan Puru juga telah memainkan peranan utama kepada pendedahan kaum Murut kepada penyakit lain seperti demam campak, penyakit batuk kering (tibi), influenza, disentri dan penyakit kelamin. Penyakit Malaria telah menjadi endemik di seluruh kawasan pendalaman dan memberi kesan kepada kesihatan kaum Murut. Penyakit ini bertanggungjawab kepada jumlah kematian yang tinggi di kalangan bayi dan kanak-kanak yang mana telah membawa kepada depopulasi kaum Murut. Hal ini demikian kerana bayi dan kanak-kanak tidak mempunyai imuniti kepada serangan parasit malaria seperti orang dewasa. Tambahan lagi, penyakit malaria yang menjangkiti ibu mengandung pula akan menyebabkan keguguran bayi.

*On estates during the years 1917 to 1925 the predominating type of malaria was a mild benign tertian, with sporadic cases of quartan and subtertian*

*. . . With the great influx of Javanese in 1925-1927 our type of malaria changed to a virulent and predominating subtertian, disseminated by the new labourers, 65% of whom (even by the thin smear method) were found positive to subtertian malaria on arrival. The natives, as usual, journeyed down to the estates to find work, contracted this new and virulent type of malaria to which no resistance had been developed, and when unable to work went home to spread it amongst their friends and relatives in the kampongs [villages]. (G. G. Campbell, 1931)*

Manakala kemasukan buruh Jawa ke Borneo Utara telah membawa strain parasit Malaria yang baharu pula telah menyumbang kepada penyebaran parasit ini kepada kaum Murut dewasa. Hal ini kerana kaum Murut tidak mempunyai sistem imun kepada strain parasit yang telah di bawa oleh buruh Jawa. Penduduk kaum Murut yang bekerja di estet yang telah dijangkiti ini kemudiannya telah membawa penyakit ini ke kampung mereka lalu menyebarkannya kepada penduduk kampung yang lain (Lee Yong Leng, 1962).

### **Penyakit Kelamin**

Gonorea atau penyakit kelamin merupakan salah satu punya kepada kemerosotan kaum Murut. Gonorea adalah penyakit yang menjangkiti organ reproduktif dan boleh menyebabkan komplikasi serius jika tidak dirawat dengan sewajarnya. Dalam keadaan di mana perubatan moden tidak tersedia secara meluas di kawasan pedalaman yang didiami kaum Murut, kekurangan rawatan yang tepat boleh menyebabkan penyebaran penyakit dan kematian yang tinggi di kalangan populasi. Menurut Timbalan Penolong Pegawai Daerah Lamag,

*they (Murut women) saw no harm in adultery provided and they were not caught and that they considered themselves at liberty to commit adultery if their husband were away from them for a longer period than ten days (R J Ride, 1931).*

Pendapat ini juga disokong oleh Pegawai Kesihatan Daerah Pendalaman J. C. T. Tregarthen di mana menurut beliau majoriti penduduk dewasa kaum Murut telah dijangkiti penyakit gonorea.

### *Analisis Faktor Kemerosotan Suku Kaum Murut di Borneo Utara (1921-1960)*

Penyakit ini menyebabkan organ pembiakan rosak dan majoriti penduduk dewasa kaum Murut tidak dapat menghasilkan zuriat. (Tregarthen, 1930). Semasa kajian Dr. Godkins pada Mei 1946 di Kg. Remidi, beliau telah mendapati bahawa 20% daripada penduduk dewasa kaum Murut bagi kedua-dua jantina dijangkiti dengan penyakit kelamin (Godkins, 1946 di dalam Clarke, 1951). Perkara ini disokong lagi oleh Dr. Shircore di mana beliau mendapati sebanyak 77% pesakit yang telah menjalani ujian adalah positif.

*The moral fibre of some of the small Murut communities has, furthermore, become so lowered by frequent and excessive indulgences in alcohol, that during the resultant orgy promiscuous intercourse is countenanced... Materials obtained at eleven different clinics were examined and 77% of the smears were positive. (Shircore, 1937)*

Keluarga dan keturunan memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat, kesan jangka panjang penyakit ini terhadap kesuburan menyebabkan berkurangnya bilangan kelahiran dalam kalangan kaum Murut. Penyakit kelamin yang dihidapi juga menyebabkan kepada kemandulan kepada wanita Murut seterusnya menyebabkan kadar kelahiran menurun.

### **Jangkitan Cacing**

Jangkitan cacing yang dihidapi oleh kaum Murut juga merupakan salah satu faktor kemerosotan populasi kaum Murut. Jangkitan cacing adalah disebabkan oleh kadar kebersihan yang rendah di kawasan kediaman dan perkampungan kaum Murut. Kadar kebersihan di kawasan perumahan dan kampung adalah rendah. Rumah yang diduduki oleh kaum Murut diperbuat daripada kayu dengan lantai bambu, atap daun manakala dindingnya daripada bambu atau kulit kayu. Bekalan air untuk dimakan dan diminum adalah daripada sungai manakala semua Najis dan kekotoran akan dibuang di bawah rumah. Najis dan kekotoran ini kemudiannya diberikan kepada haiwan seperti anjing, khinzir dan ayam sebagai makanan (Regester, 1956).

### **Kematian Bayi**

Kadar kematian yang tinggi dalam kalangan bayi juga merupakan penyumbang kepada kemerosotan kadar populasi kaum Murut sepanjang tahun 1920 sehingga 1960. Punca utama kematian bayi adalah disebabkan oleh pemberian makanan yang tidak sesuai untuk bagi oleh ibu bayi seperti nasi, sagu, ubi atau buah sebagai makanan mereka (Dingle, 1935). Dr. Dingle mendapati bahawa para ibu bayi telah memberikan bayinya tapai untuk diminum sekiranya bayi tersebut menangis atau dalam kesakitan.

Selain itu, kurangnya akses kepada infrastruktur asas seperti bekalan air bersih, sanitasi yang bersih, dan perkhidmatan kesihatan yang berkesan boleh menyebabkan peningkatan penyebaran penyakit dan komplikasi kesihatan yang boleh menyebabkan kematian bayi. Kekurangan pemahaman mengenai keperluan kesihatan bayi, seperti penyusuan susu ibu, imunisasi, dan rawatan penyakit juga menyebabkan peningkatan risiko kematian bayi.

### **Gaya Hidup**

Pengambilan alkohol yang berlebihan dalam pengamalan gaya hidup dalam kalangan suku kaum Murut juga merupakan penyumbang kepada peningkatan kematian dalam kaum Murut seterusnya menyumbang kepada kemerosotan populasi kaum tersebut. Kaum Murut mengamalkan pengambilan arak semasa perayaan yang mengambil masa sehingga berhari-hari (RJ Ride, 1933). Pendapat ini juga disokong oleh E. R. Leach di mana beliau menyatakan bahawa mereka (masyarakat Murut) akan menggunakan alasan lawatan daripada pegawai perubatan yang datang ke kampung (untuk tujuan membuat laporan kesihatan) sebagai salah satu sebab untuk berpesta dan membuka tapai masing-masing. Hal ini kerana mereka mengamalkan pemberian arak kepada tetamu sebagai layanan hospitaliti (Polunin, 1959). Perkara ini dapat dilihat melalui pengalaman Dr. Pulonin semasa datang ke sebuah perkampungan Murut Paluan;

*This was borne out by my observations during a 2-months stay with Peluan Muruts in 1954. No jars were open at the time of my arrival in any of the 12 houses*

*in which I stayed, while drinking jars were always opened to celebrate my arrival later on in the evening.*  
(Polunin, 1959)

Clarke (1951), menyatakan walaupun pengambilan alkohol tidak menyebabkan kepada depopulasi namun iaanya menyumbangkan kepada salah satu faktor kematian masayarakat Murut kerana penyalahgunaan alkohol boleh mengganggu perpaduan sosial dan struktur keluarga tradisional dalam komuniti kaum Murut. Hal ini demikian kerana kekerapan pengambilan alkohol telah menjadi punca kekerapan pergaduhan berlaku dan membawa kepada serangan menggunakan senjata berbahaya semasa di bawah pengaruh alkohol (RJ Ride, 1933).

Pengambilan alcohol berlebihan juga boleh membawa kepada keganasan rumah tangga, keruntuhan moral, pengabaian tanggungjawab kekeluargaan, dan kerosakan dalam hubungan interpersonal (Regester, 1956; Clarke, 1951).

Selain daripada pengambilan alkohol yang berlebihan dalam kalangan kaum Murut, kaum Murut juga mengamalkan diet yang tidak seimbang dalam kehidupan mereka. Pegawai Perubatan Pendalam Dr. Clarke, telah mendapati bahawa penduduk tempatan kaum Murut mengalami berat badan di bawah paras optimum, menghadapi anemia, ulser, maloklusi gigi dan goiter (Clarke, 1942). Pengambilan protein dalam diet pemakanan mereka adalah dalam jumlah yang rendah kerana mereka bergantung kepada jumlah buruan yang diperolehi atau ikan yang ditangkap di sungai. Pendapat ini disokong oleh Dr. Shircore di mana menurut beliau kaum Murut menunjukkan kekurangan zat makanan akibat diet yang tidak seimbang, kekurangan jumlah vitamin dan garam mineral yang diperlukan (Shircore, 1937).

**Jadual 2:** Kadar Kelangsungan Hidup Bagi Wanita Murut dan Bayi

| Umur | Min Bayi yang dilahirkan Hidup bagi seluruh ibu di Borneo Utara | Min Bayi yang dilahirkan Hidup setiap ibu Murut | Min Bayi yang dilahirkan hidup bagi semua Wanita Murut | Min Bayi yang Masih Bertahan Hidup Setiap Wanita Murut |
|------|---|---|--|--|
| 15-  | 1.32  | 1.16  | 0.13   | 0.09   |
| 20-  | 2.00  | 1.66  | 0.73   | 0.50   |

|     |      |      |      |      |
|-----|------|------|------|------|
| 25- | 2.73 | 2.37 | 1.13 | 0.65 |
| 30- | 3.87 | 2.9  | 1.74 | 1.12 |
| 35- | 4.71 | 3.11 | 2.12 | 1.41 |
| 40- | 5.21 | 361  | 2.36 | 1.51 |
| 45- | 5.43 | 3.90 | 2.73 | 1.75 |
| 50- | 5.38 | 4.18 | 2.87 | 1.73 |
| 55- | 5.30 | 4.84 | 3.53 | 1.97 |
| 60- | 5.20 | 4.33 | 2.95 | 1.45 |
| 70- | 4.93 | 5.33 | 4.63 | 2.42 |

Sumber: Dipetik dan disesuaikan daripada North Borneo: A report on the Census of Population held on June 4, 1951

Di samping itu, perkahwinan dalam usia yang muda dalam kalangan penduduk wanita kaum Murut juga memberikan kesan kepada kadar kelahiran bayi dan kadar kematian ibu bayi. Berdasarkan jadual 2, hanya sebanyak 36.5% wanita Murut dibawah 20 tahun manakala wanita Murut yang telah menamatkan julat kitaran sistem pembiakannya hanya mempunyai dua orang anak yang masih hidup.

### **Pengaruh Kolonial dan Gangguan Sosial**

Menurut Dr. Rivers (1922) hubungan dengan orang luar telah mengganggu cara hidup asal mereka, sehingga menghilangkan insentif dan kepuasan yang membuatkan kehidupan bermakna dan beliau menyimpulkan bahawa kehilangan keinginan untuk hidup boleh membawa kepada penurunan populasi. Kehadiran Syarikat Borneo Utara British dan koloni diraja British telah membawa kepada perubahan besar kepada sistem sosial dan politik suku kaum Murut. Dasar pentadbiran kolonial menggantikan struktur tradisional, sekali gus menghakis peranan pemimpin tempatan dan adat resam mereka. Masyarakat Murut yang bergantung kepada pertanian pindah dan perdagangan tempatan dipaksa beralih kepada aktiviti ekonomi seperti penorehan getah, yang menjadi sumber pendapatan utama dalam ekonomi kolonial.

Tambahan pula, pengenalan cukai oleh pihak kolonial memberi tekanan besar kepada masyarakat Murut. Mereka yang gagal membayar cukai sering kehilangan tanah atau harta mereka, menyebabkan kemiskinan dan penindasan berterusan.

## Kesimpulan

Menjelang tahun 1921 sehingga 1960, kadar populasi kaum murut telah menurun sebanyak 23 % kerana kadar kelahiran tidak dapat menggantikan kadar kematian. Seramai 40% wanita Murut yang telah berkahwin tidak menghasilkan zuriat yang hidup dan mempunyai keluarga yang kecil. Beberapa tindakan telah diambil oleh pihak British bagi menangani masalah kemerosotan populasi kaum Murut di Borneo Utara. Antaranya adalah dengan melakukan kempen bagi membanteras, malaria, kempen membanteras penyakit puru dan jangkitan cacing, meningkatkan taraf hidup kaum Murut bagi membanteras kekurangan nutrisi serta memberikan perkhidmatan kesihatan yang lebih baik dengan membekalkan pegawai perubatan dan dresser di dispensari pendalamam bagi merawat malaria, puru dan jangkitan cacing. Pihak kerajaan British juga telah memperkenalkan pengurangan pengambilan alkohol atau tapai dalam gaya hidup kaum Murut serta meningkatkan kebolehpasaran tanaman padi bagi meningkatkan taraf hidup penduduk tempatan kaum Murut.

## Senarai Rujukan

### Arkib dan Laporan Kerajaan

- Fail No. 1126/14. (1935). *Dr. Dingle Speech at the Native Chiefs' Advisory Council at Sandakan in 1935*. Fail No. 1126/14. Sabah: Arkib Negeri Sabah.
- Fail No. 185. (1931). *Interior Dispensaries Dr Campbell's report on., Government Secretary kepada Principal Medical Officer, 30 Julai 1931*. Fail No. 185. Sabah: Arkib Negeri Sabah.
- J. O. Shircore. (1937). *Report on Native Health*. Sandakan: Govt. Printing Office.
- Fail No. 1126/34. *The Murut of North Borneo and their Declining Population by Ivan Polunin, Ordinary Meeting of the Royal Society of Tropical Medicine and Hygiene*. Fail No. 1126/34. Sabah: Arkib Negeri Sabah.
- Fail No. 1126/34. *The Problem of Depopulation with special reference to N. B. by R J Ride, Professor of Physiology University of Hongkong*. Secretariat Office. Fail No. 1126/34. Sabah: Arkib Negeri Sabah.

**Buku dan Jurnal**

- L. Y. Leng. (1962). The Population of British Borneo. *Population Studies*. 15(3): 226-243.
- L. W. Jones. (1967). The Decline and Recovery of The Murut Tribe of Sabah. *Population Studies*. 21(2): 133-157.
- M. C. Clarke. (1951). Some Impressions of the Muruts of North Borneo. *Transactions of The Royal Society of Tropical Medicine and Hygiene*. 44(4): 453-464.
- P. T. Regester. (1956). The study of primitive communities in relation to social medicine. *Journal of the Royal Institute of Public Health and Hygiene*. 19(11): 35-376.